

10 JUN 1999

PEMIMPIN UMNO KELANTAN DIMINTA SEDIA TERIMA PERUBAHAN

KOTA BAHARU, 10 Jun (Bernama) -- Pemimpin Umno Kelantan diingatkan mengutamakan kepentingan parti dalam menghadapi beberapa perubahan yang akan dilakukan ke arah memantapkan lagi perjuangan parti itu.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata beberapa pendekatan dilakukan tidak lama lagi seperti penyusunan organisasi dan menentukan calon-calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

"Apabila pucuk pimpinan parti buat keputusan tidak lama lagi, jangan fikir soal peribadi...utamakan kepentingan parti," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Annuar berkata perpecahan perpaduan di kalangan pemimpin Umno akan menjejaskan sokongan yang sedang diberikan rakyat yang ingin melihat Barisan Nasional mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri Kelantan daripada PAS pada pilihan raya umum kelak.

"Jangan nanti rakyat Kelantan tawar hati dengan gelagat pemimpin Umno. Kita nak Umno Kelantan menang," katanya.

Beliau berkata barisan kepimpinan tidak perlu bimbang kerana perubahan yang dilakukan adalah hasil perbincangan yang diterajui oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

--BERNAMA

BD MAI